

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN COOPKLASS
D'MART KOPERASI SMK KUALA LANAR
LIPIS PAHANG BERHAD**

26 JULAI 2023 (RABU)
10:00 PAGI

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

SALUTASI OLEH PIHAK PENGANJUR

1. Setinggi rasa syukur kita panjatkan kepada ALLAH S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat kita berhimpun untuk satu majlis yang cukup amat

bermakna bermakna buat warga
sekolah SMK Kuala Lanar iaitu **MAJLIS
PERASMIAN COOPKLASS D'MART
KOPERASI SMK KUALA LANAR LIPIS
PAHANG BERHAD.**

2. Sekalung ucapan tahniah dan
syabas kepada Anggota Lembaga
Koperasi SMK Kuala Lanar Lipis Pahang

Berhad dan warga kerja kerana telah berjaya merealisasikan penubuhan COOPKLASS D'MART. Penubuhan COOPKLAS D'Mart ini merupakan petanda jelas bahawa warga koperasi sentiasa ingin melakukan pembaharuan dalam aktivitinya sekaligus mempelbagaikan perniagaannya supaya dapat

menyumbang lebih banyak manfaat kepada anggotanya.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak koperasi yang telah menjemput saya untuk merasmikan COOPKLAS D'MART ini. Saya yakin komitmen anggota Lembaga, pengurusan dan warga koperasi

dalam hal ini akan memberi impak yang cukup bermakna kepada keseluruhan operasi koperasi ini.

4. Saya juga dimaklumkan bahawa D'Mart yang berkonsepkan kedai runcit serbaneka ini merupakan D'Mart yang **PERTAMA** ditubuhkan di sekolah dalam negeri Pahang. Tahniah Saya

ucapkan kepada semua warga Koperasi SMK Kuala Lanar Lipis Pahang Berhad.

5. Saya berasa kagum dengan keupayaan dan prestasi pihak koperasi yang sentiasa menjalankan tadbir urus operasi dengan penuh komited dalam melaksanakan

amanah yang diberikan oleh anggota Koperasi SMK Kuala Lanar Lipis Pahang Berhad. Pencapaian ini harus dijadikan contoh kepada koperasi sekolah lain dalam mempelbagaikan lagi aktiviti perniagaannya bagi memberi nilai tambah kepada operasi koperasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. ANGKASA, badan puncak gerakan koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan juga kekal komited membantu koperasi melalui penerokaan bidang perniagaan baharu, menjadi suara kepada gerakan ini samada di peringkat nasional dan antarabangsa

dan merangsang aktiviti perniagaan koperasi melalui penggalakkan aktiviti keusahawanan melalui koperasi.

7. Koperasi sekolah juga menjadi antara keutamaan ANGKASA dalam usaha memperkasakan modal insan dengan menanamkan nilai, prinsip dan keilmuwan koperasi di peringkat

sekolah. Alhamdulillah berkat usaha ini kita telah menyaksikan 14 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM1 Juta. Saya mendoakan agar koperasi tuan – tuan dan puan – puan juga dapat mengikuti jejak langkah koperasi tersebut Insyallah.

8. Mengikut perangkaan SKM sehingga **31 Disember 2022**, bilangan koperasi sekolah berjumlah **2,481** dengan keanggotaan seramai **2 juta** individu, syer/yuran sebanyak **RM29.92 juta**, aset **RM439.02 juta** dan perolehan **RM298.76 Juta**.

9. Saya yakin, dengan pemulihan lanskap perniagaan dari COVID-19 dan usaha semua pemegang taruh, koperasi sekolah akan mencatat perolehan yang lebih memberangsangkan pada tahun ini melalui kepelbagaian aktivitinya termasuklah seperti yang sedang

dilakukan oleh koperasi tuan – tuan dan puan – puan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Jalinan kerjasama strategik antara koperasi dan koperasi perlu diwujudkan bagi meluaskan rangkaian perniagaan pada skala yang lebih

besar dan memastikan kelestariannya untuk jangka masa panjang. Seperti contoh saya dimaklumkan COOPKLASS D'MART ini telah menjalinkan kerjasama ekonomi dengan Koperasi Felda Tersang.

11. Jelas inisiatif pihak Koperasi SMK Kuala Lanar Lipis Pahang Berhad dilihat

sebagai satu usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi yang mampu memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi sekolah seterusnya dapat mengupayakan pelbagai program melibatkan para pelajarnya.

12. Buat para anggota, berkempenlah supaya bukan sahaja para guru dan

pelajar yang berbelanja di COOPKLASS D'MART ini, malah perluaskan kepada ibu bapa para pelajar dan juga komuniti setempat. Beri penekanan bahawa hasil keuntungan koperasi akan disalurkan semula kepada sekolah melalui penajaan program, majlis, sumbangan dan lain – lain.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Raub yang tidak putus bersama dengan pihak ANGKASA membimbing pihak koperasi sekolah. Saya percaya bahawa semangat

serumpun bak serai seikat bak sirih adalah satu budaya kerja cemerlang yang patut dipuji.

14. Akhir kata, sekali lagi terima kasih kepada warga Koperasi SMK Kuala Lanar Lipis Pahang Berhad yang sudi memberikan saya peluang untuk

memberikan ucapan pada hari yang barakah ini.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan COOPKLASS D'MART, Semoga COOPKLASS D'MART terus maju dan berjaya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.